

# Anwar: Jangan pertikai konsep budaya

KUALA LUMPUR, Isnin — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim, mengulangi jaminan bahawa pembentukan kebudayaan kebangsaan berteraskan budaya Melayu bukanlah bertujuan untuk memati atau mendakikan budaya sukuan yang lain.

Menurutnya, pembentukan ini bertujuan untuk memperkembangkan nilai-nilai murni yang ada dalam semua budaya suku kaum di negara ini agar dapat diterapkan dalam generasi akan datang.

Menteri itu berkata, masa-

lah ini tidak patut dipersoalkan lagi kerana pertemuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 sudah menjelaskan keputusan-keputusan yang dipersetujui.

Encik Anwar berkata demikian dalam ucapannya di Mesyuarat Pengarah-Pengarah Belia dan Sukan di Dewan Mesyuarat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini hari ini.

Menteri itu mengur setengah-setengah golongan yang cuba mempermalinkan soal kebudayaan ini dengan memberikan pengertian yang sempit dan mengelirukan kepada masyarakat.

"Perbuatan menanggung di alir keruh ini boleh mewujudkan sua-

sana tegang antara kaum dan harus dikulit dan ditentang oleh setiap lapisan rakyat di negara ini," tegasnya.

Kebudayaan, ujar beliau, meliputi nilai dan norma masyarakat termasuk semangat dayatahan dan ingin berusaha dengan lebih kuat untuk menepal kejayaan dalam dunia moden yang mencabar ini.

"Kebudayaan yang hanya dihubungkan dengan tarian, muzik, drama dan sebagainya adalah takrif yang sempit dan ini perlu disedari oleh masyarakat.

"Istilah kebudayaan itu sendiri haruslah digunakan pada tempatnya dan tidak hanya sekadar untuk melambangkan sebahagian saja dari ketiadaan itu," jelasnya.

Sebagai contoh, ujar beliau, kalau ada sesuatu persembahan permainan muzik diikuti dengan beberapa tarian, tidaklah sesuai digunakan istilah "malam kebudayaan" untuk kegiatan itu.

"Ini adalah kerana pengertian istilah kebudayaan itu adalah luas dan penganjur boleh menamakan persembahan itu mengikut kegiatan yang dijalankan seperti persembahan muzik, tarian atau sebagainya," katanya.

Encik Anwar berkata, kementeriaannya ketika ini mengambil usaha untuk menghentikan kegiatan yang kurang memberikan faedah, sebaliknya menyalurkan bantuan kewangan kepada kegiatan yang dirasakan boleh membina sikap yang baik di kalangan masyarakat.

## Menunggu

Beliau mengarahkan pegawai-pegawainya untuk mempertingkatkan pemikiran masyarakat ke arah penghidupan yang lebih baik dan sentiasa memikirkan perkara yang kreatif dan membangun.

"Segala rancangan pada masa depan bertujuan untuk mencelikkkan masyarakat berdasarkan prinsip-prinsip yang sedia ada dan bukannya menjadikan masyarakat yang sentiasa menunggu untuk menerima bantuan dari mana-mana pihak," tegasnya.

Menteri itu kurang puas hati dengan pencapaian pusat-pusat belia di negara ini dan menggesa pihak pentadbir pusat itu mengadakan rancangan yang lebih baik di masa depan.

"Saya tidak menafikan pusat-pusat ini sudah menjalankan kegiatan yang menghasilkan kejayaan, tetapi apa yang harus dilakukan di masa depan ialah mempertingkatkan usaha mereka," katanya.

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia